



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BULETIN BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
2024



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BULETIN BPM

PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2022 (ISMS) - PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM – ISMS) DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JWP)



Standard ISO/IEC 27001:2022 (ISMS) menetapkan keperluan dan piawaian amalan terbaik yang komprehensif untuk mewujudkan, mengendalikan, memantau, menyemak, menyelenggara dan menambah baik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) organisasi. Satu *framework* dan amalan terbaik untuk menguruskan keselamatan maklumat bagi melindungi aset ICT agensi dengan tujuan jaminan keselamatan maklumat kepada pihak yang berkepentingan dalam menjayakan sistem penyampaian perkhidmatan.

Pematuhan kepada piawaian ini menunjukkan bahawa Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat organisasi dapat melindungi kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumatnya.

Ianya bertujuan bagi memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat JWP sentiasa terjamin dan dilindungi.

Punca Kuasa (1) : Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 24 Februari 2010 - Pelaksanaan pensijilan ISMS untuk sektor Prasarana Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure*)

Punca Kuasa (2) : Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 24 November 2010 - Arahan Pelaksanaan Pensijilan ISMS

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BULETIN BPM



Skop ISMS JWP adalah ‘Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) Melalui Sistem Anugerah DKBPWP’

Pelaksanaan ISMS di JWP bermula pada bulan Mei 2023 sehingga Oktober 2023. Beberapa mesyuarat dan bengkel telah diadakan bagi penyediaan dan semakan dokumen serta memastikan pematuhan kepada standard dan *annex* yang ditetapkan untuk mendapatkan pensijilan.

JWP telah layak dipensijilkan dengan Standard ISO/IEC 27001:2022 (ISMS) pada 11 Disember 2023.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BULETIN BPM

PEMBANGUNAN DASHBOARD MYVOT SISTEM IBIZ MAJLIS PELANCARAN BERSEMPENA MAJLIS AMANAT YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM, KETUA PENGARAH JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JWP)



Bahagian Pengurusan Maklumat bersama Bahagian Kewangan telah membangunkan Dashboard MyVot Sistem Ibiz.

Dashboard MyVOT membolehkan kawal selia pengurusan perbelanjaan vot secara atas talian.

Seterusnya membolehkan penyampaian dan paparan maklumat perbelanjaan semasa JWP dilakukan secara visual dan interaktif di mana-mana.

Paparan maklumat berdasarkan data yang relevan, boleh dipercayai dan pada masa yang tepat agar pembuatan keputusan dilakukan dengan lebih baik serta lebih cepat.

Skop bagi aktiviti pembangunan dashboard seperti berikut:-

- Kajian Keperluan
- Pembangunan Modul
- Pengujian dan
- Dokumentasi

Faedah pembangunan dashboard adalah:

- Mempercepat dan memudahkan proses carian atau semakan maklumat peruntukan dan belanja
- Memudahkan pembuatan keputusan berkaitan proses kewangan bahagian
- Menjimatkan masa dan memudahkan proses pengurusan kewangan
- Memudahkan tugas berkaitan perekodan dan penjanaan laporan

Dashboard ini telah diluncurkan sempena Majlis Amanat YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah JWP

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BULETIN BPM

PEMBANGUNAN SISTEM EPSIKOTERAPI MAJLIS PERASMIAH HARI PSIKOLOGI DAN KESIHATAN MENTAL JWP DAN PELUNCURAN SISTEM EPSIKOTERAPI

Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat telah membangunkan Sistem ePsikoterapi bagi memudahkan proses temu janji sesi kaunseling antara klien dengan Pegawai Psikologi dan Ahli AKRAB di kalangan warga Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi-agensi di bawahnya.

Tujuan pembangunan Sistem ePsikoterapi adalah seperti berikut :

- Mendapatkan maklumat sesi kaunseling dan bimbingan.
- Memudahkan proses temu janji dan pelaksanaan ujian psikometrik.
- Menukar borang manual kepada borang elektronik.
- Penjanaan laporan.

Skop Sistem ePsikoterapi yang dibangunkan merangkumi perkara berikut:

- Permohonan sesi kaunseling oleh klien kepada Pegawai Kaunseling atau ahli AKRAB.
- Pegawai Kaunseling dan ahli AKRAB boleh menerima atau menolak permohonan sesi kaunseling dari klien.
- Pegawai Kaunseling dan ahli AKRAB boleh mencadangkan tarikh baharu bagi sesi temu janji yang dipohon oleh klien.
- Pengisian borang laporan oleh Pegawai Kaunseling setelah selesai sesi temu janji.
- Pengisian borang laporan oleh ahli AKRAB setelah selesai sesi temu janji.



Pelaksanaan penggunaan sistem ini bermula pada Ogos 2023. Sistem ePsikoterapi telah diluncurkan semasa Majlis Perasmian Hari Psikologi dan Kesihatan Mental JWP Tahun 2023 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah JWP pada 9 November 2023 bertempat di Dewan Serbaguna JWP.